

# dermalah organ demi sebuah kehidupan

Adakah proses pendermaan organ akan melambatkan urusan pengkbumian?

Tidak! Urusan pengkbumian boleh dijalankan seperti biasa. Selepas organ dan tisu diperolehi dari tubuh penderma, jenazah akan dibersihkan, dikhafan dan diserahkan kepada waris penderma secepat mungkin.

Bagaimana untuk menjadi seorang penderma organ?

Anda perlu mengisi Borang Pendaftaran Pengikrar Penderma Organ dan Kad Pengikrar Penderma Organ. Borang yang telah dilengkapkan perlu dihantar kepada Pusat Sumber Transplan Nasional sementara Kad Pengikrar hendaklah disimpan dan dibawa bersama anda pada setiap masa.



**ANDA**  
dinasihatkan supaya  
memaklumkan keluarga anda  
mengenai hasrat anda untuk  
menjadi seorang penderma  
organ dan tisu



Kepada semua  
penderma organ kerana  
mengembalikan senyuman  
kepada kami


Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Pusat Sumber Transplan Nasional, Hospital Kuala Lumpur	Tel : 03-2615 6576/2694 2704/ 03-2694 2705
	Faks : 03 - 2615 6269
	Tollfree: 1 - 800 - 88 - 9080
Pusat Sumber Pendermaan Organ, Hospital Raja Permaisuri Bainun, Ipoh, Perak	Tel : 05 - 5222 324 Faks : 05 - 2531 541
Pusat Sumber Transplan, Hospital Pulau Pinang	Tel : 04 - 2225 780 Faks : 04 - 2292 433
Pusat Sumber Transplan Negeri Johor, Hospital Sultanah Aminah	Tel : 07-2231 666 Samb: 2751 Faks : 07 - 2242 694
Pusat Sumber Transplan Negeri Pahang, Hospital Tengku Ampuan Afzan Kuantan	Tel : 09-517 7697 / 09-557 2222 Faks : 09-517 7697

**Jadilah seorang  
penderma organ**



Dermalah organ demi  
sebuah kehidupan



Kementerian Kesihatan  
Malaysia

Cetakan semula :  
Unit Promosi Kesihatan Negeri  
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang  
Laman web: [www.myhealth.gov.my](http://www.myhealth.gov.my) • [www.infosihat.gov.my](http://www.infosihat.gov.my)  
BM 50,000 / 2013



Memudahkan  
Shah Sejahtera Hujrah

# ANUGERAH KEHIDUPAN

# dermalah organ demi sebuah kehidupan



## Apakah itu pendermaan organ?

Merupakan proses mendermakan bahagian tubuh badan seseorang untuk tujuan pemindahan organ (transplantasi) selepas meninggal dunia.

## Apakah itu Pendermaan Organ (Transplantasi)?

Merupakan suatu pembedahan yang melibatkan pertukaran organ atau tisu daripada penderma yang telah meninggal dunia kepada penerima yang memerlukan.

Pemindahan organ ini boleh menyelamatkan nyawa penerima organ atau tisu dan mereka akan dapat menjalani kehidupan yang lebih sihat.

## Bilakah organ dan tisu si penderma diperolehi?

Proses perolehan organ dan tisu daripada tubuh seseorang penderma hanya akan dilakukan apabila kematianya telah disahkan oleh dua orang doktor yang bertauliah. Doktor-doktor yang terlibat dengan pengesahan kematian seseorang penderma itu adalah bebas dan tiada kaitan dengan pemindahan organ dan tisu.

## Adakah rawatan akan diabaikan jika diketahui anda adalah seorang pengikrar penderma organ?

Tidak! Pengikrar penderma organ akan dirawat sebaik mungkin sebagaimana pesakit-pesakit lain.

## Apakah organ dan tisu yang boleh didermakan di Malaysia?

### Organ

- Jantung
- Paru-paru
- Hati
- Buah Pinggang
- Pankreas

### Tisu

- Injap Jantung
- Tulang
- Kulit
- Kornea

## Adakah terdapat bantahan dari sudut agama?

Agam Islam mengharuskan pendermaan organ selepas meninggal dunia.

Agama-agama lain di dunia (*Buddha, Kristian, Hindu dan sikh*) menyokong pendermaan organ selepas meninggal dunia.

## Bagaimana proses pemindahan organ dilakukan?

\*Proses pemindahan organ dan tisu melibatkan pembedahan yang bersih dan dijalankan di dewan bedah hospital oleh pakar bedah yang berpengalaman. Perolehan organ dan tisu ini tidak akan menjasaskan rupa dan bentuk tubuh badan penderma. Selepas organ dan tisu diperolehi, luka pembedahan akan dijahit dengan sempurna dan jenazah penderma tidak mengalami apa - apa kecacatan fizikal. Proses pembedahan ini dijalankan dengan penuh hormat dan tertib sebagaimana pembedahan biasa.

